

# SIDANG DUN KEDUA PENGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN KE-13 TAHUN 2017



## SIDANG DUN



**1** Penambahbaikan terhadap prosedur yang terlibat dengan kehakiman, pendakwaap, penguatkuasaan dan guaman syari'e

**2** Penambahbaikan peruntukan berkenaan khidmat komuniti sebagai hukuman alternatif yang bersifat mendidik

**3** Membenarkan penggunaan gari dalam penguatkuasaan

**4** Memasukkan penggunaan video atau audio sebagai keterangan di mahkamah

**6** Meningkatkan hukuman denda yang boleh dikenakan ke atas ibu atau bapa atau penjaganya atas kesalahan pesalah muda daripada denda tidak melebihi RM200 kepada denda tidak melebihi RM5,000

**5** Hukuman sebat secara terbuka di tempat yang diwartakan disyaratkan dan dilakukan di hadapan Pegawai Perubatan Kerajaan beragama Islam

### ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH 2002 (PINDAAN 2017)



Pindaan enakmen ini bukannya mempunyai kaitan dengan RUU355 dan hudud, tapi kita hanya mahu memperkemaskan lagi tatacara berbanding sebelum ini seperti menetapkan saiz rotan, mengenakan sebat di bahagian belakang kecuali leher dan kepala serta menangguhkan hukuman sebat jika pesalah didapati tidak dalam keadaan sihat”

**Mohd Nassuruddin Daud,**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pembangunan Islam, Dakwah,  
Penerangan dan Hubungan  
Serantau Kelantan

# Pesalah syariah boleh disebat di khalayak

BH  
13/7/17  
M/S-4

➔ DUN Kelantan sebulat suara lulus Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin dan Attirmidzie Rahman  
bhnews@bh.com.my

✦ Kota Bharu

Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan semalam sebulat suara meluluskan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2017), yang antara lain membenarkan hukuman sebat dilakukan di khalayak ramai.

Ini bermakna pesalah syariah seperti zina, liwat dan minum arak di negeri ini boleh dikenakan hukuman sebat di khalayak ramai berbeza dengan pelaksanaan sekarang di penjara.

Pindaan itu juga memberi kuasa kepada penguat kuasa agama menggunakan gari ke atas suspek dan membenarkan penggunaan video sebagai bahan bukti dalam perbicaraan.

Pindaan enakmen itu dicadangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud dan disokong oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Masyarakat, Mumtaz Md Nawi.

Speaker DUN Kelantan, Datuk Abdullah Ya'kub, mengumumkan enakmen itu diluluskan selepas mendapat sokongan sebulat suara daripada 38 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang hadir.

## Atasi isu perundangan

Terdahulu, Mohd Nassuruddin ketika sesi perbincangan berkata, beberapa faktor diambil kira bagi melakukan pindaan itu, antaranya enakmen berkenaan sudah berusia 15 tahun selain perkembangan moden yang cepat untuk menangani isu perundangan.

Katanya, pindaan juga perlu dilakukan bagi membantu ha-

kim syariah, pendakwa syarie, peguam syariah dan penguat kuasa agama dalam menjalankan prosedur kes jenayah syariah supaya lebih teratur serta seragam.

Ketika dihubungi kemudian, Mohd Nassuruddin berkata Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2017) perlu mendapat perkenan Sultan Kelantan sebelum diwartakan oleh kerajaan negeri.

"Hukuman sebat secara terbuka ini disyaratkan harus dilakukan di hadapan tidak kurang daripada empat saksi beragama Islam dan beriman, termasuk Pegawai Perubatan kerajaan beragama Islam.

"Pindaan enakmen ini bukannya mempunyai kaitan dengan RUU355 dan hudud, tetapi kita hanya mahu memperkemaskan lagi tatacara berbanding sebelum ini seperti menetapkan saiz rotan, mengenakan sebat di bahagian belakang kecuali leher dan kepala serta menagguhkan hukuman sebat jika pesalah didapati tidak sihat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, ketika ditemui selepas sidang DUN, berkata pindaan itu adalah persiapan awal bagi pe-

laksanaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Rang Undang-Undang 355 (RUU355), jika diluluskan di Parlimen.

"Ada 35 fasa dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah ini dan semuanya dipinda bagi memperkemaskan hukuman seperti sebat, denda dan beberapa proses teknikal lain.

## Tepati kehendak agama

"Contohnya seperti hukum sebat yang kini boleh dilaksanakan di dalam ataupun luar penjara bergantung kepada keputusan mahkamah. Ia menepati kehendak agama (berkaitan hukuman sebat) sebab hukuman syariah itu mesti dibuat di hadapan khalayak," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN-Paloh), Datuk Nozula Mat Diah, berkata UMNO Kelantan menyokong penuh pindaan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 bagi mengukuhkan takrifan Islam di negeri ini.

Katanya, walaupun ada perbezaan politik, semua ADUN Kelantan memberikan kerjasama yang baik, sekali gus menunjukkan kematangan mereka dalam berpolitik.